

bertenaga



Cikgu Rina: Apakah maksud gaya hidup sihat?

Sarah: Gaya hidup sihat ialah kita sentiasa menjaga kesihatan dan kebersihan diri serta alam sekitar, cikgu.

Jeriah: Berbuat baik dengan orang pun gaya hidup sihat, cikgu.

Priya: Orang yang sihat akan sentiasa ceria dan gembira.


Cikgu Rina: Kamu semua memang bijak. Mari kita mulakan permainan bola jaring.

Murid-murid: Baiklah, cikgu.

○ Kawan-kawan, dialog ini bercerita tentang apa? ○



Rujukan Kod Tangan



maksud memang

bijak

bagus

sentiasa

menceritakan

Nota Guru

- Bimbing murid membaca (lisan/mengisyarat), memahami dan mengecam idea keseluruhan.

2.2.1(iii)



BA(I): 54-55




Menulis

Kawan-kawan, kita perlu makan makanan yang seimbang untuk menjaga kesihatan.


- Makanlah makanan yang mengandungi semua nutrien.** Nutrien membantu tubuh sentiasa sihat dan cergas.



- Sayur hendaklah dimakan setiap hari.** Sayur mengandungi vitamin yang diperlukan oleh tubuh.



- Kurangkan pengambilan gula dalam makanan dan minuman. **Pengambilan gula yang berlebihan membahayakan kesihatan.**



Rujukan Kod Tangan



bahaya



nutrien



cergas



vitamin



gula



seimbang

Nota Guru

- Bimbing murid menulis ayat yang diimlakkan dalam buku tulis.





Syair

Mari semua rakan sahabat,
 Pilih makanan bersih dan berzat,
 Makan makanan yang berkhasiat,
 Supaya diri sentiasa sihat.

Mari bersenam saudari saudara,
 Cergas dan cerdas hati gembira,
 Jaga kesihatan jangan berkira,
 Bersikap bersih amalkan segera.

Kawan-kawan,
 apakah maksud
 rangkap kedua syair?

Rujukan Kod Tangan




sahabat



manfaat



jiwa



fikiran




bersikap

Nota Guru

- Bimbing murid melakukan syair dan memahami maksudnya.

4.2.3 (i)

BA(II): 57



Kata Adjektif Pancaindera



Syafik seorang yang menjaga kebersihan diri. Badannya sentiasa berbau **wangi** ketika di sekolah ataupun di rumah.

Suara jurulatih yang **serak** itu meminta mereka bersedia untuk memulakan latihan.



Sarah dan rakan-rakannya memakai kasut yang bertapak _____ semasa melakukan senamrobik.



Rujukan Kod Tangan



rata




serak



wangi



lantai



bertapak



jurulatih

Nota Guru

- Bimbing murid menggunakan kata adjektif pancaindera.

5.1.3 (iii)

BA(I): 58



TEMA 4



KESELAMATAN

Sekawan budak pergi ke dusun,
Memasang denak untuk memikat;
Badanku kotak suis bersusun,
Kanak-kanak dilarang mendekat.

Burung tempua hinggap di genting,
Hinggapnya untuk mencari makan;
Tempatku biasa di tepi dinding,
Mudah diambil ketika diperlukan.

Burung merpati terbang sekawan,
Terbang sekawan di tepi kolam;
Badanku peti tempat simpanan,
Ubatan-ubatan penuh di dalam.



hinggap

merpati



biasa

larang



Unit 10

Rumahku Selamat



Mendengar/Melihat, Mengecam dan Berisyarat

Syafik, Wei Hong dan Openg sedang berbincang tentang langkah-langkah keselamatan di rumah dan di sekolah.

Kita perlu menjaga keselamatan semasa berada di rumah dan di sekolah. Jangan menutup suis elektrik ketika tangan basah dan jangan bermain dengan alatan yang tajam.

Di rumah, kita perlu menutup televisyen apabila hujan. Kita juga perlu meminta orang yang lebih dewasa untuk menutup dapur gas.


Di sekolah pula, kita perlu memakai sarung tangan semasa melakukan aktiviti berkebun. Kita juga dilarang berlari-lari ketika melalui lantai yang licin.



Mengapakah kita tidak boleh bermain dengan alatan yang tajam?



Rujukan Kod Tangan




elektrik



ketika



gas



suis



televisyen



lantai



licin



sarung

Nota Guru

- Bimbing murid menjelaskan dan membanding beza maklumat tersurat dalam dialog.





Membaca



Label



Keselamatan



pada



Ubat

Tarikh luput:
Februari 2024



JAUHKAN DARIPADA
KANAK-KANAK

Aturan makan:
Tiga kali sehari

Syafik, sila terangkan tentang
label tarikh luput ubat?



Bahagian luar botol ubat
ada label tentang tarikh
luput. Maksudnya ubat itu
perlu dimakan sebelum
tarikh yang dinyatakan.



Rujukan Kod Tangan



label



ubat



botol



tarikh



luput



terangkan

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti dan menerangkan label.

2.3.1 (i)

BA(II): 59



Menulis



Keselamatan



Kerangka

Diri Ketika di Rumah

Pendahuluan:

Cuti sekolah sudah bermula. Saya bangun awal untuk membantu emak di dapur. Saya membantu emak menyediakan sarapan.

Isi:



saya – emak – roti – piring.
emak – air teh.



emak – teh – teko.
cerek panas – sarung tangan.



emak – pisau – gunting – laci.

Penutup:

Saya berasa gembira kerana dapat menolong emak di dapur.





Contoh Karangan

Cuti sekolah sudah bermula. Saya bangun awal untuk membantu emak di dapur. Saya membantu emak menyediakan sarapan.

Saya membantu emak meletakkan roti di atas piring.
Emak pula membuat air teh.

Mula-mula, **emak** memasukkan uncang **teh** ke dalam **teko**. Kemudian, emak menuang air panas ke dalam teko. Emak memegang _____ dengan menggunakan _____.

Selepas bersarapan, kami mengemas dapur bersama-sama. **Emak** menyimpan alatan tajam seperti _____ dan _____ ke dalam _____.

Saya berasa gembira kerana dapat menolong emak di dapur.



Rujukan Kod Tangan



piring



cerek



roti




teh



tajam



teko



panas



menuang



menyediakan



memasukkan

Nota Guru

- Bimbing murid menghasilkan kerangka dan penulisan karangan naratif secara berpandu.

3.3.1 (i)

BA(I): 62-63



Kata Hubung

Langkah-langkah Menutup Suis Peralatan Elektrik di Rumah



Lap tangan dengan tisu
atau kain yang kering.



Tutup suis sebelum
mencabut plag **untuk**
keselamatan.



Gantung plag di tempat
yang tinggi _____
selamat.

Cabut plag **sambil**
melihat ke arah soket.



Rujukan Kod Tangan



tutup




gantung



tisu



kering



suis



plag



cabut

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata hubung.

5.1.4 (i)

BA(I): 64



Unit 10

Keselamatan

Kebakaran



Mendengar/Melihat, Mengecam dan Berisyarat



sarung tangan



alat pemadam api



kasut perlindungan



topi keselamatan



baju operasi bomba



pelindung pernafasan

- I. Apakah nama alat-alat tersebut?
2. Bilakah alat-alat ini digunakan?



Rujukan Kod Tangan



bomba



operasi



perlindungan



pernafasan

Nota Guru

- Bimbing murid bersoal jawab secara komunikasi seluruh untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat.

1.2.3

BA(II): 65



Menulis

Kerangka



lawatan – balai boma – bas sekolah



pegawai boma – taklimat



galeri boma – alatan – anugerah-anugerah



Kenderaan boma – pelbagai jenis



demonstrasi – alat pemadam api – murid-murid.



bergerak pulang – gembira.

Contoh Karangan

LAPORAN LAWATAN KE BALAI BOMBA

Pada 22 Ogos 20□□, Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka telah mengadakan **lawatan** sambil belajar ke **Balai Bomba** Sri Setia. Lawatan ini disertai oleh 32 orang murid dan 5 orang guru. Kami pergi dengan menaiki **bas sekolah**.

Setibanya kami di sana, kami disambut oleh seorang **pegawai bomba**. Pegawai bomba tersebut telah memberikan **taikimat**. Kemudian kami dibawa melawat ke **galeri bomba**. Banyak **alatan**, bahan-bahan sejarah dan **anugerah-anugerah** yang pernah diterima.

Selepas itu, kami mengunjungi pameran _____ . Ada _____ kenderaan bomba seperti motosikal, van, kereta dan lori. Kemudian pegawai bomba membuat _____ cara menggunakan _____ dengan betul kepada _____ .

Tepat jam 12:30 tengah hari, kami _____. Kami _____ .

Disediakan oleh,


.....

25 Ogos 20□□

(SYAFIK BIN AMRAN)

Setiausaha Kelas 3 Cemerlang
SK Taman Cempaka



Rujukan Kod Tangan



anugerah



motosikal



galeri



demonstrasi

Nota Guru

- Bimbing murid membina kerangka dan membuat penulisan karangan bukan naratif secara separa berpandu.

3.3.1 (ii)

BA(I): 66-67



Membaca

Manual Penggunaan Alat Pemadam Api



1 Pegang pin picu dan tarik keluar.



3 Tekan pemicit.



2 Pegang tong alat pemadam api dalam kedudukan yang selesa. Halakan hujung hos ke arah pangkal api dalam jarak dua meter.

4 Gerakkan hos ke kiri dan ke kanan menghala ke pangkal api sehingga padam.




Rujukan Kod Tangan



tarik



pin



hala



tekan



pangkal



hos

Nota Guru

- Bimbing murid membaca (lisan/isyarat) dan menerangkan kandungan dalam manual.

2.3.1 (ii)

BA(I): 68



Sajak



Aku



Seorang




Bomba

Aku bangga menjadi bomba
aku bangga menjadi wira
walaupun aku seorang wanita
itu bukan penghalangnya.

Aku berjuang bersama-sama rakan
tugasan diterima dengan rela
demi bangsa negara tercinta
apa yang penting mereka selamat.

Walaupun masa terus berdetik
aku masih tetap di sini
menabur jasa, menabur bakti
terus berdepan sejuta halangan.



Apakah maksud "menabur jasa" dan "menabur bakti"?



Rujukan Kod Tangan



wira



jasa



bakti



rela



berjuang



berdetik

Nota Guru

- Bimbing murid mendeklamasikan serta memahami maksud sajak.

4.2.3 (ii)

B(I)A:69



Kata Sendi Nama



Tupai dan Kucing



Rujukan Kod Tangan



tupai

belang

hujung

tentang

gajah

terbakar

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata sendi nama.
- Minta murid membuat simulasi dialog di atas.



5.1.4 (ii)

BA(I):70



Unit 12

Jaga Keselamatan Diri



Mendengar/Melihat, Mengecam dan Berisyarat



Kawan-kawan, kita perlu menjaga keselamatan diri ketika berada di tempat awam.



Benar, Syafik. Tempat awam itu adalah seperti pusat beli-belah, stesen bas dan stesen komuter.



Di tempat awam ada banyak orang yang tidak dikenali.



Kita hendaklah mengawasi barang-barang berharga semasa membeli-belah supaya tidak hilang.



Kita boleh pergi ke tempat-tempat awam tetapi hendaklah ditemani oleh ibu bapa atau orang dewasa.



Benar, kawan-kawan.



Rujukan Kod Tangan



awam



bas



stesen



komuter



kenal



dewasa

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar/melihat, mengecam dan menyebut/mengisyaratkan ayat majmuk dengan betul dan tepatnya.

I.1.1(ii)

BA(I): 71



Membaca

Pagi hari mandi di perigi,
Sejuk terasa dingin teramat;
Jagalah diri ke mana pergi,
Setiap masa diri selamat.

Buah delima di dalam bekas,
Bawa ke pekan dengan lori;
Bersama-sama gunakan jejantas,
Jaga keselamatan diri sendiri.



Jeriah, Sarah, apakah nilai yang terdapat dalam pantun di atas?

Nilai yang terdapat dalam rangkap pertama pantun ialah kita mestilah menjaga diri walaupun di mana kita berada.



Rujukan Kod Tangan



amat



perigi



dingin



delima



jejantas



bekas



pekan

Nota Guru


- Bimbing murid membaca (lisan/isyarat) dan menerangkan nilai pantun.

2.3.1 (iv)

BA(I): 72



Menulis



Selamat pagi murid-murid.

Ada beberapa perkara penting yang ingin cikgu sampaikan kepada kamu. Pertama, jauhkan diri kamu daripada orang yang tidak dikenali. Usah dekati orang itu jika dipanggil olehnya. Katakan tidak mahu jika dia ingin memberikan sesuatu.

Kedua! jauhi kawasan sunyi atau tempat-tempat **merbahaya**. Patuhi pesanan dan nasihat ibu bapa. **awasi** keselamatan diri kamu di mana sahaja kamu **terada**. Dengan cara itu, kamu akan **diselamatkan** daripada perkara-perkara bahaya.



Rujukan Kod Tangan



perkara



penting



ingin



sunyi



nasihat



bahaya




panggil

Nota Guru

- Bimbing murid mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan dalam teks.
- Murid menulis semula dalam buku tulis.

3.3.2 (i)

BA(II): 73



Kata Arah dan Kata Tanya

Wei Hong, saya mendapat maklumat tentang ceramah keselamatan jalan raya. **Di manakah** ceramah itu akan diadakan?

Ceramah Keselamatan Jalan Raya

Tarikh: 30 Jun 20□□
Hari: Rabu
Masa: 3:00 petang



Situasi 1

Siapakah yang akan menyampaikan ceramah keselamatan jalan raya itu, Wei Hong?

Ceramah itu akan disampaikan oleh pegawai Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR). Beliau sedang duduk di **atas** pentas.



Situasi 2

Berapakah jumlah kumpulan yang akan menyertai Kuiz Keselamatan Jalan Raya, Sarah?

Ada empat kumpulan, Priya. Senarai nama mereka ada ditampalkan pada papan kenyataan di **luar** perpustakaan.

Situasi 3

kita mesti berdiri di **belakang** garisan kuning ketika menunggu tren, Wei Hong?

Kita mesti berdiri di **garisan** kuning semasa menunggu tren untuk tujuan keselamatan, Syafik.

Situasi 4



Rujukan Kod Tangan



belakang maklumat



kuning



senarai



garisan

Nota Guru

- Bimbing murid menggunakan kata arah dan kata tanya.

5.1.4 (iii, iv)

BA(I): 74-75



Pantun Empat Kerat

sendiri

berharga

Pokok sena tumbuh di rimba,
Mawar berduri dipetik cermat;
Tiada guna kita berlumba,
Jaga diri supaya selamat.

Burung kenari riang bernyanyi,
Seekor nuri makan di tangan;
Elak _____ di tempat sunyi,
Jagalah diri dilupa jangan.

Pulang ke desa makan mangga,
Duku, amra dan juga semangka;
Awas sentiasa barang _____
Hati gembira tiada duka.

Rujukan Kod Tangan



cermat



riang



sunyi



duka




duku



awas



petik



berlumba



elak



berduri

Nota Guru

- Bimbing murid mencipta pantun empat kerat dan mempersembahkannya secara komunikasi seluruh.

4.3.1 (i)

BA(I): 76



TEMA 5



PERPADUAN





Unit 13

Hidup Bermuafakat



Mendengar/Melihat, Mengecam dan Berisyarat



Encik Mohsin: Syafik, esok taman kita ada majlis kenduri. Petang nanti, penduduk akan mengadakan aktiviti masak-memasak. Datanglah ke dewan untuk membantu menyusun meja dan kerusi. Ajaklah kawan-kawan kamu.

Syafik:

Penduduk taman kita sentiasa bermuafakat dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Baiklah, nanti saya akan _____ kawan-kawan saya untuk sama-sama membantu.



Rujukan Kod Tangan



ajak




majlis



kenduri



suruh



nanti



menyusun



Ayah: Sarah, sebentar lagi ayah akan ke dewan orang ramai taman kita. Ada mesyuarat dengan penduduk taman bersebelahan untuk membina gelanggang futsal.

Minta ibu kamu siapkan makanan yang hendak dibawa ke mesyuarat itu.

Sarah: Baiklah. Saya akan _____, ayah. Saya akan bantu ibu menyiapkan makanan itu nanti.



Rujukan Kod Tangan



mesyuarat



sebentar



gelanggang



futsal



dewan



siap



membina



bersebelahan

Nota Guru


- Bimbing murid mengecam, memahami dan memberikan respons terhadap ayat suruhan dan permintaan.

1.1.2 (i)

BA(I):78-79



Membaca



Pesta



Kuih



Bulan



Wei Hong dan keluarganya akan menyambut perayaan pesta kuih bulan. Pesta ini disambut setiap tahun oleh kaum Cina. Pesta kuih bulan akan disambut pada hari ke-15 bulan kelapan mengikut kalendar Cina. Pesta kuih bulan disambut bagi melambangkan keluarga yang harmoni dan masyarakat yang bersatu padu.

Kuih bulan yang enak ini ada pelbagai jenis inti seperti kacang merah, biji teratai dan telur masin. Pada setiap tahun Wei Hong akan memberikan kuih bulan kepada jiran-jirannya.

Sarah, mengapakah pesta kuih bulan disambut?



Pesta kuih bulan disambut



Rujukan Kod Tangan




kaum



inti




kalendar



pesta



harmoni teratai



jenis masyarakat

2.3.1 (iii)

BA(I):77

Nota Guru

- Bimbing murid membaca/berisyarat, mengenal pasti dan menerangkan cerita.



Menulis



Program

Kesihatan



Taman

Sri

Setia

Penduduk Taman Sri Setia mengadakan program kesihatan bermula dari pukul 8:00 pagi hingga 4:00 petang. Program itu diadakan di dewan orang ramai.

Sehari sebelumnya, Syafik dan rakan-rakannya membantu penduduk membersihkan **kawasan-kawasan** dewan. Keluarga mereka juga ikut serta.



Berbagai aktiviti diadakan. Antaranya ialah ceramah kesihatan, menderma darah **atau** pameran kesihatan. Program kesihatan berakhir dengan jayanya. Semua **penduduk-penduduk merasa** gembira. Dengan program ini, semangat perpaduan kaum dapat dieratkan.




Rujukan Kod Tangan



erat



jaya



ceramah



program



darah



menderma



pameran



kesihatan

Nota Guru

- Bimbing murid mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari aspek penggunaan kata.

3.3.2 (ii)

BA(II): 80



Kata Perintah



Saya ada cadangan. Apa kata kita menanam pokok betik.

Bagus cadangan Sang Musang. Saya akan **minta** kawan-kawan yang lain membantu kita menanam pokok betik.



Rujukan Kod Tangan



musang



tupai



betik



turut



serta



cadangan

Sang Musang, Sang Tupai dan rakan-rakan yang lain bekerjasama menanam pokok betik.

Sang Tupai, **minta** kawan-kawan kita menyiram pokok-pokok betik ini nanti.



Baiklah, Sang Musang. Saya akan **suruh** rakan-rakan kita menyiram pokok-pokok betik ini.

Setelah beberapa bulan...

Kawan-kawan, _____ makan buah betik yang manis ini!



Terima kasih,
Sang Musang.

Makanlah dengan tertib.
_____ membazir.



Rujukan Kod Tangan



manis



menanam



membazir



menyiram

Nota Guru

- Bimbing murid menggunakan kata perintah.

5.1.4 (v)

BA(I): 81



Sajak


duka

senang

Kita
rakyat Malaysia
berbilang agama
berbilang bangsa
berbilang budaya.

Kita
rakyat Malaysia
bersatu hati
hidup harmoni
dalam negara tercinta
tanpa ada sengketa.

Kita
tetap bersama-sama
waktu susah dan _____
waktu suka dan _____
kerana kita adalah
rakyat Malaysia.




Rujukan Kod Tangan



senang



rakyat




agama



bangsa



budaya



sengketa



tanpa

Nota Guru

- Bimbing murid mencipta sajak secara berpandu dan mempersemprehan secara komunikasi seluruh.

4.3.1 (ii)

BA(I): 82



Unit 14

Perpaduan Teras Kesejahteraan



Mendengar/Melihat, Mengecam dan Berisyarat

Syafik, Wei Hong dan Openg pergi ke majlis cukur jambul yang diadakan di rumah Pak Asrul. Pak Asrul mengadakan majlis cukur jambul untuk menyambut kelahiran cucunya. Mereka datang bersama-sama dengan ibu bapa untuk membantu dan memeriahkan majlis tersebut.

Pak Asrul: Syafik, **silalah** masuk ke dalam rumah. Ajak kawan-kawan kamu sekali.

Syafik: Baiklah, Pak Asrul.

Ayah Syafik: **Jemput** makan, Wei Hong dan Openg.

Wei Hong: Terima kasih, pak cik.

Ayah Syafik: **Jangan** lupa basuh tangan kamu sebelum makan.

Openg: _____.



Rujukan Kod Tangan



cukur jambul

ajak

sekali



kelahiran

memeriahkan

Nota Guru

- Bimbing murid memberikan respons terhadap silaan dan larangan.

I.I.2 (ii)

BA(II): 83



Membaca



Jamuan

Kelas

Syafik

Syafik dan kawan-kawannya mengadakan jamuan kelas. Mereka membawa makanan masing-masing untuk dikumpulkan di hadapan kelas.



Tarikh luput

Simpan di tempat yang kering dan dingin.

Perhatian kepada kawan-kawan, ada maklumat penting pada tin biskut itu yang perlu kita tahu:

- **Tarikh luput** biskut ini.
- Cara simpanan.



Rujukan Kod Tangan



tarikh

luput

kering

dingin

tahan

biskut

jamuan

Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan mengapresiasi label secara komunikasi seluruh.

2.3.2 (i)

BA(I): 84



Menulis

16 September 2020


≡ MENU



Carian

BERITA > NASIONAL TERKINI UTAMA WILAYAH LUAR NEGARA

Mari Kenali Makanan Negeri Sarawak



KUALA LUMPUR, 16 September – Kelab Komuniti Taman Sri Setia telah mengadakan Pesta Makanan Negeri Sarawak. Pesta ini berlangsung di Balai Raya Taman Perumahan Sri Setia.

Pesta ini melibatkan **penduduk seluruh** di taman perumahan itu. Pengurus kelab berkata, festival ini diadakan untuk memperkenalkan **makanan pelbagai** dari negeri Sarawak seperti mi kolok, laksa Sarawak, kek lapis dan banyak lagi. Selain itu, pesta ini juga dapat memupuk semangat perpaduan kerana melibatkan **kaum pelbagai**.

Penduduk Taman Sri Setia telah **kerjasama menunjukkan** yang sangat baik dalam menjayakan pesta ini.




Rujukan Kod Tangan



kelab



komuniti



pesta



memupuk




semangat

Nota Guru

- Bimbing murid mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek struktur ayat.

3.3.2 (iii)

BA(II):85



Cerita



Pertandingan



Tarian



Singa




Imbas
Saya

Syafik, Wei Hong dan Openg akan menyertai pertandingan tarian singa. Pertandingan itu diadakan pada minggu hadapan.

Syafik dan kawan-kawannya berlatih dengan bersungguh-sungguh. Latihan diadakan pada waktu petang di dewan sekolah.

Pada hari pertandingan, mereka membuat persembahan yang terbaik. Penonton daripada pelbagai kaum memberikan tepukan yang gemuruh. Akhirnya, pasukan Syafik berjaya mendapat tempat pertama.

Syafik, Wei Hong dan Openg gembira dengan kejayaan mereka.



Rujukan Kod Tangan



sejak



singa



gemuruh



pertandingan



persembahan



Pertandingan



Tarian



Piring

Sarah, Priya dan **Jeriah** akan menyertai pertandingan tarian piring. Pertandingan itu diadakan pada **bulan hadapan**.

Sarah dan kawan-kawannya berlatih dengan bersungguh-sungguh. Latihan diadakan pada waktu pagi di **bilik tarian**.

Pada hari pertandingan, mereka membuat persembahan yang sungguh menarik. Penonton daripada pelbagai kaum memberikan tepukan yang gemuruh. Akhirnya, pasukan

_____ , dan kawan-kawannya berjaya menjadi _____ .

_____ , _____ dan _____ gembira dengan kejayaan mereka.



Rujukan Kod Tangan



latih



pasti



yakin



piring



sungguh



pasukan



penonton



tarian

Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai cerita yang mempunyai unsur pengajaran secara berpandu.

4.3.2

BA(I):86-87



Kata Seru

Oh, permainan galah panjang ini disertai oleh murid-murid pelbagai kaum!

Ya. Mereka kelihatan seronok bermain bersama-sama.



Pada hari Sabtu, Karnival Permainan Rakyat telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka.



_____, itu Jeriah dan Priya kan?

Wah, hebatnya permainan gasing ini! Banyak kaum yang menyertainya. Tentu seronok.

_____, betul! Hebat sungguh Jeriah dan Priya bermain congkak.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata seru.

5.1.4 (vi)

BA(II): 88



Rujukan Kod Tangan



pada



karnival



congkak



gasing



Sabtu



hebat



galah



panjang



rakyat



seronok



pelbagai



sertai



terdiri



permainan



kelihatan



menyertainya



Unit 15

Hidup Harmoni



Mendengar/Melihat, Mengecam dan Berisyarat

Puan Rita, saya mahu pulang ke Sarawak. Puan Rita tolong tengok-tengokkan rumah saya, ya.

Oh, boleh! Nanti saya akan tengok-tengokkan rumah kamu. Kamu jangan risau.

Jeriah, ini ada roti sardin untuk awak makan dalam perjalanan nanti.

Terima kasih, Sarah.

1. Di manakah kampung Jeriah?
2. Apakah yang Sarah berikan kepada Jeriah?
3. Mengapakah ibu Jeriah berjumpa dengan ibu Sarah?




Rujukan Kod Tangan



tengok



Sarawak



sardin



risau



perjalanan

Nota Guru

- Bimbing murid memberikan respons terhadap soalan bertumpu.

I.1.3 (i)

BA(II): 89



Membaca





Manual Membuat Kad Pop Up

Kawan-kawan, mari kita buat kad *pop up* bersama-sama. Kita ikuti langkah seperti manual di bawah.



1

Lipat kertas warna berukuran A4 kepada dua bahagian.



2



Lukis garisan dan gunting mengikut garisan tersebut.



3

Lipat ke dalam bahagian yang telah digunting tadi.





4

Tampalkan kertas warna A (merah jambu) di atas kertas warna B (biru).



5

Tampalkan hiasan di dalam dan di luar kad *pop up*.

Lihat, kad saya
sudah siap



Rujukan Kod Tangan



lipat



ukur



tampal



kad



langkah



garisan

Nota Guru


- Bimbing murid membaca (lisan/isyarat) dan mengapresiasi manual.

2.3.2 (ii)

BA(II) 92




Kata Penguat



Kisah Tiga Sahabat

Tiga sahabat telah keluar dari kawasan kampung untuk mencari bekalan makanan.



Beberapa jam kemudian...



Rujukan Kod Tangan



paling



agak



sangat



terlalu



bekalan





Setelah selesai minum dan berehat, mereka meneruskan perjalanan pulang ke kampung.



Rujukan Kod Tangan



jernih



benar



selesai



perjalanan

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata penguat dengan betul.

5.1.4 (viii)

BA(2): 94



Bernyanyi



Rujukan Kod Tangan




di



taman




bermain



bersuka ria



kawan-kawanku



Mari Gembira, Kawan

Di mana dia, sayang
Kawan-kawanku
Di mana dia, sayang
Kawan-kawanku

Kita bermain, kawan
Bersama-sama
Mari bermain, kawan
Bersuka ria.

(Melodi lagu: Ayam Didik)



Imbas
Saya

Mari Gembira, Kawan

Marilah kawan-kawan,
Main di taman
Marilah kawan-kawan
Main di taman

Gembirakan hatimu,
Jangan bersedih.

(Melodi lagu: *Ayam Didik*)

Tepuklah tangan kawan,
Nyanyi bersama.



Rujukan Kod Tangan



hati



kita



jangan



bermain



gembirakan

Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai seni kata lagu dan mempersempahkan lagu kanak-kanak secara komunikasi seluruh.

4.3.3

BA(II): 93



Menulis



Jamuan



Berpindah



Rumah

Jeriah telah berpindah ke rumah baharu. Keluarganya mengadakan jamuan. Suasana majlis itu amat meriah. Banyak jiran yang hadir semasa jamuan itu.

Sebelum jamuan berlangsung, ayah Jeriah telah mendapat keizinan jiran-jiran untuk menutup jalan. Ayah Jeriah mahu mendirikan **kemah** di atas jalan, Jiran-jiran turut serta membantu ayah Jeriah **pendirikan** dan **menghias** khemah tersebut.

Puan Satirah sekeluarga mengucapkan terima kasih kepada penduduk Sri Setia yang banyak **menbantu**.



Rujukan Kod Tangan



meriah



majlis



hadir



jamuan



keizinan

Nota Guru

- Bimbing murid memurnikan hasil penulisan dari aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan dalam buku tulis.

3.3.2 (i)

BA(I):90-91

Indeks Kod Tangan

A

adab 35
adat 28
agak 92
agama 80
ajak 74
akuarium 18
anugerah 63
arah 70
aur 21
awam 45, 67
awas 72

B

badminton 6
bagus 48, 51
baharu 17
bahaya 31, 52, 69
bakti 65
balai raya 20
balang 29
bandar 45
bangsa 80
barbeku 14
bekas 68
belang 24
benar 93
beramah 14
berdetik 65
berjuang 65
berkunjung 13
bermutu 9
bijak 51
bomba 61
buaiian 14
buat 17
budaya 80

C

cabut 60

cadangan 78
cegah 46
ceramah 77
cerdas 41
cerek 59
cergas 41, 43, 52
cermin 13
congkak 88
cukur 81

D

dahaga 12
datuk 1
dekat 42
delima 68
demonstrasi 63
denggi 46
dewasa 67, 75
dingin 68, 82
duka 72
duku 72

E

elektrik 56
emas 18
erat 9, 77

F

feri 5
futsal 42, 75

G

gajah 66
galeri 63
ganti 16
gantung 60
gas 56
gasing 88
gaya 50
gelanggang 42, 75

geliga 35
gemuruh 84
gunung 5

H

hala 64
hampir 42
harmoni 76
hebat 17
hendak 17
herba 48
hidang 3
hinggap 55
hos 64
hotel 4
hubungan 9, 14
hujung 66

I

inti 76

J

jambul 81
jaring 50
jasa 65
jauh 42
jaya 77
jejantas 68
jentik-jentik 46
jernih 18
jinjing 28
jiwa 53
jurulatih 54

K

kad 91
kalender 76
kampung 45
kandang 28
karbohidrat 39

karnival 88
kaum 76
keizinan 96
kelahiran 81
keledar 13
kemasyarakatan 19
kencang 26
keperluan 9
kerat 72
kerbau 28
kering 22
khasiat 39
kilat 18
komuniti 83
komuter 67
kraf tangan 12
kumpul 15

L

label 57
langgar 31
Langkawi 4
laut 5
lemak 39
letak 21
licin 56
lintasan 24
lipat 91
lontar 40
luput 57, 83

M

mahal 18
maksud 51
mandi 3
manfaat 53
mangkuk 9
mangsa 20
megah 47
melarang 33
memang 16, 51
memanggang 9

membazir 79
memetik 29
memupuk 83
menganjurkan 24
mengelecek 40
menghampiri 34
menghilangkan 12
menginap 4
menikmati 15
menuang 59
menunggang 29
menyeri 47
menyewa 4
menyinar 47
merpati 55
mesyuarat 75
motosikal 63
muafakat 74
musang 78

N

nasihat 49, 69
nenek 1
nutrien 52

O

operasi 61
otak 41

P

paling 92
pameran 77
pancing 3
panggil 69
pangkal 64
pantas 18
pasang 13, 21
pasar 9
pekan 38, 68
peluh 6, 50
pembiahan 46

penceramah 30
pengawal 33
perigi 68
perlindungan 61
permaidani 11
permata 35
pernafasan 61
perpaduan 73
perpustakaan 45
persatuan 24
pesta 76, 83
peti 35
petik 72
pihak 33
pikul 28
pimpin 36
pin 64
pinggan 3
plag 60
plastik 22
pondok 23
program 77
protein 39
pulau 4

R

raket 42
rakyat 80
ranting 22
rapat 42
rata 54
ria 94
risau 89
ruang 11

S

sahabat 27, 53
sangat 92
Sarawak 89
saudara 35
segulung 24
seimbang 39, 52

selesa 43, 45
selesai 93
semasa 16
senarai 71
senang 80
sengketa 80
sentiasa 43, 51
serak 54
sikap 53
singa 84
singgah 12
stesen 67
suap 3
sudah 27
suis 56, 60
sumbang 21
sungai 3
sungguh 6, 15
sunyi 69, 72
supaya 43
suria 47

T

tahan 62
tajam 59
tali pinggang 13
tampal 91
tamu 11
tarian 85
tarikh 82
tebing 21
teguh 26
tekan 64
teko 59
televisyen 56
tenaga 50
terangkan 57
teratai 76
terbakar 66
tetangga 35
timpa 26
tisu 60
tunjuk 48

tupai 66
turut 24
tutup 60

U

udang 9
ukur 91
undang 27
urusan 33
usah 31

V

vakum 11
vitamin 39, 52

W

wira 65

Y

yakin 85

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

| Tahun | Darjah | Nama Penerima | Tarikh Terima |
|-------|--------|---------------|---------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL